

kunjungi pengarah Penyiaran Labuan baharu

an Penulis
an Labuan
membuat
at ke atas
an Labuan
Rohani
abuan FM

Turut serta beberapa ahli jawatankuasa termasuk Setiausaha Francis Labi, Bendahari Masmah Mohd Ali serta AJK Haji Abd Rahman Lamudin dan Hajah Hasnah Sambas.

Dalam kunjungan hormat itu, Othman memaklumkan tentang hasrat Perwila untuk memartabatkan seni sastera,

budaya dan bahasa khususnya di wilayah ini.

Beliau juga menceritakan tentang latar belakang Perwila sejak awal penubuhannya pada tahun 1985, serta para penulis yang bergiat dalam satu-satunya persatuan penulis yang wujud di pulau bebas cukai ini.

Beliau juga memaklumkan

tentang Hari Sastera Nasional yang akan diadakan pada 17-19 Mac 2017, yang mana julung-julung kalinya akan diadakan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Perwila membantu untuk penganjurannya yang diterajui oleh Gabungan Penulis Nasional (Gapena) dan Perbadanan Labuan sebagai pengerusi bersama.

Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur dan DBP Cawangan Sabah, Jabatan Pendidikan WP Labuan serta

Kampung Sungai Bedaun turut terlibat sama.

Perwila mengharapkan kerjasama penuh Labuan FM untuk menyemarakkan kegiatan seni sastera, budaya dan bahasa khususnya melalui slot khas atau program mengembangkan bakat para penulis muda di Labuan

dan menyebarkan karya sastera di sini.

Sementara itu, Rohani berkata pihak RTM sentiasa menyokong penuh pelbagai aktiviti sastera untuk menarik minat semua golongan.

Turut hadir pada pertemuan itu ialah Timbalan Pengarah Penyiaran Zam Mohd Ali.



SAHAR (empat kiri) menyampaikan cenderamata kepada Rohani, diperhatikan Othman (tiga kiri) dan AJK Perwila.

ri) bersama AJK Perwila.

Perwila kunjungi pengarah Penyiaran Labuan baharu

LABUAN: Persatuan Penulis Wilayah Persekutuan Labuan (Perwila) telah membuat kunjungan hormat ke atas Pengarah Penyiaran Labuan yang baharu, Rohani Harithuddin, di Labuan FM pada Jumaat lalu.

Rombongan Perwila diketuai Ketua 1 Haji Othman Mahali dan Ketua 2 Sahar Misron.

Turut serta beberapa ahli jawatankuasa termasuk Setiausaha Francis Labi, Bendahari Masmah Mohd Ali serta AJK Haji Abd Rahman Lamudin dan Hajah Hasnah Sambas.

Dalam kunjungan hormat itu, Othman memaklumkan tentang hasrat Perwila untuk memartabatkan seni sastra,

budaya dan bahasa khususnya di wilayah ini.

Beliau juga menceritakan tentang latar belakang Perwila sejak awal penubuhannya pada tahun 1985, serta para penulis yang bergiat dalam satu-satunya persatuan penulis yang wujud di pulau bebas cukai ini.

Beliau juga memaklumkan

tentang Hari Sastera Nasional yang akan diadakan pada 17-19 Mac 2017, yang mana julung-julung kalinya akan diadakan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Perwila membantu untuk penganjurannya yang diterajui oleh Gabungan Penulis Nasional (Gapena) dan Perbadanan Labuan sebagai pengerusi bersama.

Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur dan DBP Cawangan Sabah, Jabatan Pendidikan WP Labuan serta

Kampung Sungai Bedaun turut terlibat sama.

Perwila mengharapkan kerjasama penuh Labuan FM untuk menyemarakkan kegiatan seni sastra, budaya dan bahasa khususnya melalui slot khas atau program mengembangkan bakat para penulis muda di Labuan

dan menyebarkan karya sastra di sini.

Sementara itu, Rohani berkata pihak RTM sentiasa menyokong penuh pelbagai aktiviti sastra untuk menarik minat semua golongan.

Turut hadir pada pertemuan itu ialah Timbalan Pengarah Penyiaran Zam Mohd Ali.



ROHANI (tiga kiri) bersama AJK Perwila.



SAHAR (empat kiri) menyampaikan cenderamata kepada Rohani, diperhatikan Othman (tiga kiri) dan AJK Perwila.